



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**WAKTU BEROPERASI KAUNTER-KAUNTER PERKHIDMATAN
DI JABATAN-JABATAN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN
DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Tarikh: 24hb Ogos 2020

1. Berikutan dengan perkembangan situasi wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah dalam keadaan terkawal dan mengambilkira juga pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial mengikut *de-escalation plan* Kementerian Kesihatan, maka Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan bermula pada hari Selasa, 1hb September 2020, waktu-waktu beroperasi bagi kaunter-kaunter perkhidmatan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya adalah seperti berikut:

Jabatan/Bahagian	Hari	Waktu Beroperasi
Jabatan Perbendaharaan	Isnin-Khamis & Sabtu	8.00 pagi- 12.00 tengahari & 1.30 petang-3.30 petang
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED)		
Bahagian Hasil		
Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN)		
Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan		

2. Sukacita dimaklumkan kepada orang ramai yang ingin berurusan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya adalah dikehendaki untuk mematuhi tatacara sebagaimana yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan, di mana kemasukan ke dalam bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi atau Jabatan-Jabatan di dalamnya hendaklah terlebih dahulu mengimbas (Scan) Kod QR di setiap pintu masuk kaunter melalui aplikasi BruHealth sebelum dan selepas berurusan. Ini adalah sebagai salah satu langkah dalam memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai yang berurusan dan para pegawai serta kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan-Jabatan di dalamnya adalah dalam keadaan yang baik. Ini juga bagi memudahkan dan membantu pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam mengawal jumlah kemasukan orang ramai yang berurusan di Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Sekian disampaikan.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**